

21 JUL 1998

Komanwel-Lalulintas

MUHYIDDIN TIDAK PUAS HATI PENGURUSAN LALULINTAS DAN PENGANGKUTAN

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Pengurusan sistem lalulintas dan pengangkutan awam bagi Sukan Komanwel ke-16 di sini pada September masih kurang cekap, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berdasarkan kepada pra-Sukan yang berlangsung di Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil di sini baru-baru ini, beliau berkata tidak ada koordinasi tertentu dalam sistem lalulintas dan kekerapan pengangkutan awam yang ada.

Di samping dua komponen penting yang perlu diberi perhatian itu, Muhyiddin juga berkata terdapat sedikit masalah dalam kawalan orang ramai semasa dan selepas upacara perasmian kompleks itu pada 11 Julai.

"Masalah-masalah ini mesti diperbetul secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat daripada 16 jawatankuasa yang terlibat dalam Majlis Eksekutif Komanwel di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini hari ini.

Katanya jawatankuasa keselamatan dan lalulintas akan mengumumkan satu pelan sistem lalulintas bagi orang ramai untuk majlis pembukaan dan penutup Sukan itu yang dijadualkan berlangsung dari 11 hingga 21 September.

Beliau berkata 30,000 risalah mengenai maklumat tentang pengangkutan awam akan dibahagi-bahagikan kepada orang ramai di samping menasihati mereka supaya datang awal ke Stadium Nasional bagi upacara pembukaan dan penutup.

Terdahulu Muhyiddin memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkembangan terkini Sukan itu di Jabatan Perdana Menteri. Taklimat itu berlangsung selama kira-kira sejam.

Antara lain, kata Muhyiddin, beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai penjualan tiket dan kempen publisiti.

"Perdana Menteri sentiasa mengikuti dengan teliti perkembangan Sukan ini," katanya.

Muhyiddin juga berkata Dr Mahathir akan menyerahkan bendera kebangsaan "Jalur Gemilang" kepada kontinjen Malaysia pada 12 Ogos.

Muhyiddin juga berkata hanya 50 peratus pemilik bangunan di sekitar ibu negara telah mengecat dan mengindahkan premis masing-masing sempena Sukan itu.

Beliau menasihatkan mereka yang belum berbuat demikian supaya mematuhi arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menyentuh tentang venue, beliau berkata stadium hoki wanita di Jalan Pantai di sini akan siap menjelang Sabtu ini.

Sementara itu, Sukom Ninety Eight Berhad selaku penganjur berharap mengurangkan belanjawan operasi sebanyak RM45 juta berikutan satu kajian semula keperluan kewangan bagi menampung kos operasi sepenuhnya yang akan siap dalam masa dua minggu.

Pengerusi eksekutifnya Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata belanjawan asal sebanyak RM304 juta telah dirancang pada 1994.

"Saya menjangka pengurangan antara 10 hingga 15 peratus selepas kajian semula. Kami mendapati sesetengah perkara tidak perlu sekarang," tambahnya.

-- BERNAMA

DC ZAB